



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
AUDIT MESIN JUAL AIR (MJA)
SECARA TIDAK BERSEMUKA DI
LOKASI FIZIKAL BERBEZA
(*REMOTE AUDIT*)**

BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATANMALAYSIA

EDISI 2021



KANDUNGAN

| BIL | TAJUK | MUKASURAT |
|-----|---|-----------|
| 1. | PENGENALAN | 3 |
| 2. | OBJEKTIF | 3 |
| 3. | DEFINISI | 3 |
| 4. | SKOP | 3 |
| 5. | SYARAT DAN KEPERLUAN BAGI AUDIT MJA SECARA <i>REMOTE</i> | 4 |
| 6. | PROSEDUR MENJALANKAN AUDIT MJA SECARA <i>REMOTE</i> | 5 |
| 7. | RUJUKAN | 8 |



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AUDIT MESIN JUAL AIR (MJA) SECARA TIDAK BERSEMUKA DI LOKASI FIZIKAL BERBEZA (*REMOTE AUDIT*)

1. PENGENALAN

Penularan wabak penyakit COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menghadkan pergerakan dan perhubungan orang ramai secara bersemuka. Ini memberi impak kepada aktiviti audit yang dilaksanakan secara bersemuka.

Perkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) membolehkan aktiviti audit diteruskan dengan melaksanakan audit secara tidak bersemuka di lokasi fizikal yang berbeza atau *remote audit*. Pelaksanaan audit secara *remote* ini adalah sama dengan audit secara bersemuka tetapi menggunakan kemudahan teknologi maklumat (ICT) bagi mendapatkan penemuan audit dan menilai secara objektif tahap kepatuhan pihak industri terhadap keperluan audit tersebut.

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada pegawai lapangan KKM dalam melaksanakan audit MJA secara tidak bersemuka di lokasi fizikal berbeza (*remote audit*).

2. OBJEKTIF

Memberi penjelasan mengenai skop, keperluan dan prosedur bagi pelaksanaan audit MJA secara tidak bersemuka di lokasi fizikal berbeza (*remote audit*).

3. DEFINISI

Audit secara tidak bersemuka di lokasi fizikal berbeza (*remote audit*) adalah audit yang dilaksanakan secara maya dengan menggunakan kemudahan teknologi maklumat (ICT).

4. SKOP

Audit secara *remote* adalah merangkumi semua proses audit iaitu verifikasi lapangan, pemeriksaan dokumen dan rekod, laporan audit bagi aktiviti pembaharuan lesen MJA.



5. SYARAT DAN KEPERLUAN AUDIT MJA SECARA *REMOTE*

- 5.1 Audit secara *remote* terpakai hanya bagi audit yang berikut:
 - a) Bagi tujuan pembaharuan lesen MJA
 - b) Bagi tujuan pemantauan MJA
- 5.2 Segala keperluan dalam *Food Safety Information System of Malaysia (FoSIM)* telah dipenuhi.
- 5.3 Audit secara *remote* tidak terpakai bagi tujuan permohonan baru lesen MJA.
- 5.4 Audit secara *remote* hanya boleh dilaksanakan dalam tempoh pandemik Covid-19 atau keadaan lain yang ditentukan oleh PKKM.
- 5.5 Penilaian kecukupan, kesesuaian dan kemampuan kemudahan ICT perlu dinilai sebelum membuat keputusan untuk melaksanakan audit secara *remote*.
- 5.6 Pihak empunya MJA bersetuju untuk audit dijalankan secara *remote* dan memberi kebenaran kebolehcapaian "*accessability*" dokumen, rekod dan data yang disimpan dalam sistem atau aplikasi seperti Google Drive kepada Pegawai KKM.
- 5.7 Pihak empunya MJA atau wakil yang diperakukan perlu menyediakan kemudahan peralatan ICT, kamera video dan talian internet yang stabil dan tenaga kerja yang berkemahiran dalam mengendalikan audit secara maya, memuatnaik dokumen serta rekod dalam sistem atau aplikasi seperti *Google Drive* dan mampu mengendalikan masalah berkaitan rangkaian.
- 5.8 Rakaman kamera video bagi sebahagian atau keseluruhan audit ini boleh dilakukan atas persetujuan kedua-dua pihak.



6. PROSEDUR MENJALANKAN AUDIT MJA SECARA *REMOTE*

6.1 Persediaan Awal Bagi Audit MJA

6.1.1 Persediaan awal yang perlu dilakukan oleh Pegawai KKM sebelum melaksanakan audit secara *remote*:

- a) Mengadakan perbincangan berkaitan kesesuaian menjalankan *remote audit* bagi MJA yang terlibat;
- b) Menghubungi empunya MJA dan menjelaskan mekanisma *remote audit*, keperluan ICT dan tenaga kerja yang mampu mengendalikan ICT;
- c) Mendapatkan persetujuan menjalankan audit MJA secara *remote audit*;
- d) Menetapkan tarikh audit yang dipersetujui bersama antara Pegawai KKM dan empunya MJA melalui sistem FoSIM;
- e) Pegawai KKM perlu memaklumkan dokumen dan rekod yang akan diperiksa terlebih dahulu kepada pihak empunya MJA. Pihak empunya MJA perlu memuat naik (*upload*) dokumen serta rekod dalam aplikasi seperti Google Drive dan memberi kebenaran kebolehcapaian “accessability” dokumen, rekod dan data yang disimpan ini bagi tempoh masa tertentu kepada Pegawai KKM. Pegawai KKM boleh membuat rakaman skrin (*screenshot*) dokumen dan rekod ini sebagai penemuan audit (*audit findings*);
- f) Mencuba uji (*trial run*) sistem media interaksi yang akan digunakan beberapa hari sebelum tarikh audit sebenar dijalankan mengikut keperluan;
- g) Pegawai KKM mendapatkan maklumat berkaitan keadaan cuaca di tapak lokasi;
- h) Pegawai KKM perlu mendapatkan pengesahan dengan pihak empunya MJA berkaitan dengan audit yang akan dijalankan pada hari audit.

6.1.2 Semasa Menjalankan Audit MJA

6.1.2.1 Prosedur bagi menjalankan audit MJA secara *remote* adalah sama seperti prosedur audit sedia ada secara bersemuka. Pendekatan audit secara *remote* boleh dilaksanakan seperti berikut:

- a) Pihak empunya MJA perlu memaklumkan Pegawai KKM apabila tiba di lokasi MJA yang akan diaudit dan telah bersedia untuk pengauditan.



- b) Bagi tujuan pengesahan lokasi sebenar MJA, pihak empunya MJA hendaklah memberikan koordinat GPS atau *share current location* kepada Pegawai KKM.
- c) Pegawai KKM boleh memulakan proses audit dengan Mesyuarat Pembukaan (*opening meeting*) secara *video conference with screen share* atau *real-time video images* menggunakan aplikasi seperti Google Meets, Zoom, Microsoft Teams dan sebagainya.
- d) Pegawai KKM perlu menjalankan audit MJA secara maya berdasarkan keperluan yang disenaikan dalam senarai semak FoSIM. Ianya merangkumi keperluan spesifik seperti pelabelan pada mja, lokasi, reka bentuk, kebersihan dan sanitasi, penyelenggaraan, sumber bekalan air dan kawalan operasi perlu diaudit. Ianya boleh dilakukan menggunakan *video conference with screen share*, *real-time video images obtained with drones*, tablet atau telefon mudah alih (*mobile*) atau kamera video tetap (*fixed video camera*) dan membuat rakaman skrin (*screenshot*) bagi mengumpul penemuan audit (*audit findings*).
- e) Pegawai KKM perlu memastikan visual persekitaran MJA turut dinilai bagi memastikan keadaan persekitaran MJA yang sesuai dan bebas dari punca pencemaran.
- f) Perbincangan di antara Pegawai KKM dan pihak empunya MJA boleh dilakukan melalui *video conference* dengan menggunakan aplikasi seperti Google Meets, Zoom, Microsoft Team dan sebagainya.
- g) Senarai semak dan borang *Corrective Action Request (CAR)* sedia ada perlu digunakan untuk mencatatkan penemuan audit dan ketidakpatuhan (*non-conformance*).
- h) Hasil ringkasan audit boleh diadakan secara *video conference with screen share* atau *real-time video images* menggunakan aplikasi seperti Google Meets, Zoom, Microsoft Teams dan sebagainya.
- i) Pegawai KKM hendaklah memaklumkan kepada empunya MJA penemuan audit berdasarkan kepada borang CAR. *Screen share* borang CAR boleh dilakukan (jika perlu) berdasarkan permintaan pihak empunya MJA semasa mesyuarat penutup.
- j) Pihak empunya MJA hendaklah mengemukakan maklumbalas bagi semua CAR yang dikeluarkan semasa verifikasi berserta bukti



bergambar atau dokumen sokongan yang berkaitan melalui sistem FoSIM dalam tempoh 14 hari.

- k) Jika Pegawai KKM mendapati terdapat keperluan persampelan berdasarkan Klausula 4.3.2 Garis Panduan Permohonan Lesen Mengendalikan MJA Bagi Tujuan Perdagangan atau Perniagaan Edisi 2021, maka perlu dimaklumkan kepada pihak empunya MJA dan proses pengambilan sampel perlu dijalankan seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan tersebut.
- l) Pegawai KKM hendaklah melengkapkan laporan akhir melalui sistem FoSIM dan Senarai Semak Permohonan (KKM-MJA 1/2020 Pin. 1) serta mendapatkan perakuan BKKM di Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) sebelum dikemukakan ke PKKMM mengikut tempoh masa yang ditetapkan dalam Garis Panduan sedia ada.



7 RUJUKAN

- i. GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AUDIT SECARA TIDAK BERSEMUKA DI LOKASI FIZIKAL BERBEZA (*REMOTE AUDIT*), BKMM
- ii. GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN MENGENDALIKAN MESIN JUAL AIR BAGI TUJUAN PERDAGANGAN ATAU PERNIAGAAN
- iii. MANUAL PELESENAN MESIN JUAL AIR – *FOOD SAFETY INFORMATION SYSTEM OF MALAYSIA* (FOSIM)

Disediakan oleh:

Seksyen Pelesenan

Cawangan Industri Domestik

Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan

Kementerian Kesihatan Malaysia